

BERITA HARIAN

DATE: 03/04/2008

# Barisan Exco Terengganu pilihan terbaik: Abdullah

BH-3/4/2008

## Senarai nama dicadangkan Ahmad boleh mewakili semua kawasan

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau berpuas hati dengan senarai barisan Exco yang dicadangkan oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said serta menyifatkannya sebagai pilihan yang baik.

Perdana Menteri berkata, perkara yang penting ialah beliau mendapati nama yang dicalonkan dalam senarai itu boleh mewakili semua kawasan di Terengganu.

Semalam, Ahmad Said menemui Abdullah selama 45 minit di pejabat

Perdana Menteri untuk membincangkan senarai 10 anggota Exco yang akan dilantik.

“Menteri Besar baru itu datang untuk berbincang dengan saya mengenai barisan Exco Terengganu... 10 Exco semuanya.

“Jadi, dalam perbincangan itu, kita sudah pastikan ahli Exco berkenaan mewakili semua kawasan di Terengganu... itu yang paling penting,” kata Perdana Menteri kepada *Bernama* selepas perjumpaan itu, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Abdullah enggan mengulas lanjut mengenai senarai 10 anggota Exco itu kerana ia belum mendapat perkenan Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu.

Menteri Besar akan mempersembahkan senarai itu kepada Pengerusi Majlis Penasihat Pemangku Raja (MPPR) Terengganu tidak lama lagi.

“Saya tidak boleh siarkan (umumkan) nama itu lagi. Saya sudah lihat senarai itu dan saya berpuas hati kerana ia satu senarai yang bagus,” katanya.

Selain itu, Abdullah berkata, beliau mengambil peluang semasa pertemuan dengan Ahmad untuk mengingatkan Menteri Besar baru itu supaya tidak sombong dan sentiasa mesra rakyat.

“Saya sudah katakan kepada beliau supaya bekerja kuat dan menambah nilai kepada kejayaan yang diperolehi semasa Terengganu di bawah kepimpinan Datuk Seri Idris Jusoh. Saya kata jangan sombong, mesti mesra rakyat,” katanya. - *Bernama*